

28 JUN 2003

Mahathir-Rasuah/I

DISIPLIN DIRI DAN NILAI MURNI BOLEH HINDARI RASUAH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Warga Malaysia, daripada semua lapisan umur, harus diterapkan dengan disiplin diri yang tinggi dan nilai-nilai murni untuk menghindari amalan rasuah, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Oleh kerana rasuah tidak boleh dibanteras melalui undang-undang dan hukuman sahaja, Perdana Menteri berkata senjata paling berkesan terhadapnya ialah disiplin dan pematuhan kepada nilai-nilai baik yang dapat menghalang seseorang daripada melakukan sesuatu yang tidak baik.

"Terapkan rakyat dengan budaya ini (disiplin diri dan nilai-nilai murni) dan dengan itu kita telahpun menang tiga perempat daripada perjuangan kita," katanya di majlis Anugerah Pingat Integriti Kebangsaan Malaysia Transparency International di sini, malam ini.

Dalam majlis itu Perdana Menteri menyampaikan anugerah anumerta itu kepada wakil keluarga tiga tokoh -- alahyarham Tun Dr Ismail Abdul Rahman (bekas Timbalan Perdana Menteri), mendiang Tun Tan Siew Sin (bekas Menteri Kewangan) dan alahyarham Tun Ismail Mohamad Ali (bekas gabenor Bank Negara).

Menekankan pentingnya individu dan masyarakat mempercayai dan mengamalkan nilai-nilai baik, beliau berkata kelebihan dan kualiti peribadi dan juga nilai-nilai murni adalah lebih relevan hari ini berbanding sebelum ini khasnya semasa orang ramai cuba mencari keseimbangan antara kemajuan material dan pembangunan rohaniah.

"Kebimbangan kita hari ini ialah sementara kita diabui ganjaran material dan rasa tamak, kita cenderung untuk melupakan nilai-nilai peribadi kita, nilai-nilai yang boleh membawa perbezaan besar dalam kehidupan kita.

"Saya tidak meragui yang masa depan kita sebagai sebuah negara yang berjaya dan seimbang bukan sahaja bergantung kepada secepat mana kita belajar untuk menguasai inovasi teknologi yang canggih, tetapi juga, dan mungkin lebih penting, sejauh mana kita bersiap sedia sebagai individu dan sebagai masyarakat untuk mengiktiraf pentingnya apa yang dianggap oleh Transparency International sebagai sistem integriti negara," katanya.

Transparency International ialah sebuah pertubuhan bukan kerajaan antarabangsa yang memantau amalan rasuah pada perniagaan dan urusan kerajaan.

Walaupun dengan memperkukuhkan lagi institusi-institusi, etika, peraturan undang-undang dan langkah-langkah lain, rasuah boleh dikurangkan, katanya, kita juga tidak boleh melupakan hakikat ia memerlukan dua pihak - pemberi dan penerima - untuk membolehkan rasuah berlaku.

Rasuah, sebagai penghalang kepada pembangunan berkekalan, katanya tidak perlu dan merupakan kos yang tidak produktif dan boleh menyebabkan dengan berterusan pengurangan pesat daya saing sesebuah negara.

Beliau berkata Malaysia, yang jumlah urusan dagangannya adalah dua kali Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tidak mampu menampung kos tambahan dan selagi Malaysia tidak membanteras rasuah dari sekarang, negara menghadapi risiko ia menjadi endemik.

Menjelaskan orang ramailah yang menentukan sama ada rasuah menjadi budaya atau tidak, Dr Mahathir berkata ramai percaya mereka dalam kedudukan tinggi sahaja perlu diambil tindakan kerana mengamalkan rasuah dan orang bawahan tidak penting.

"Tetapi budaya rasuah ini bermula dengan orang bawahan. Mereka tidak

kekal orang bawahan selama-lamanya. Ada yang akan sampai ke kedudukan tinggi oleh kerana perbuatan mereka sebagai orang bawahan tidak menerima perhatian.

"Selain daripada itu, apabila amalan rasuah diterima di kalangan orang bawahan, orang atasan pula menerima dorongan dan masyarakat amnya akan menerima amalan itu. Ia akan menjadi budaya dan satu budaya orang yang paling sukar diubah," katanya.

Lebih banyak undang-undang, termasuk hukuman mati, boleh dirumuskan tetapi jenayah akan tetap berlaku, katanya.

Mereka yang elakan jenayah, sebenarnya tidak dihalang oleh undang-undang dan hukuman tetapi kerana mereka percaya ia adalah perbuatan salah.

"Dengan lain perkataan, disiplin diri dan pematuhan kepada nilai-nilai baik yang menghalang mereka daripada melakukan apa yang salah..," katanya.

Dr Mahathir berkata ganjaran yang tidak sah sangat menarik memandangkan ia membawa keuntungan segera.

Ia sukar untuk meyakinkan mereka yang mengamalkan rasuah bahawa mereka tetap akan kerugian walaupun tidak ditangkap dan dalam jangka panjang mereka perlu menanggung akibatnya.

"Sebuah negara, di mana rasuah menjadi amalan hidup tidak akan maju, tidak kira berapa kaya negara itu. Sebuah negara yang kekal miskin lazimnya tidak dapat menawarkan kehidupan yang baik kepada mereka yang amalkan rasuah," katanya.

Menjelaskan panjang lebar yang negeri-negeri Melayu tidak dapat maju kerana rasuah, Dr Mahathir berkata ia mengambil masa yang lama sebelum kedaulatan negeri-negeri Melayu dapat dikembalikan.

Beliau berkata, jelas sekali kebebasan sesebuah negara boleh hilang melalui sogokan atau rasuah.

Oleh itu, Perdana Menteri berkata rakyat Malaysia, dan orang Melayu khususnya harus menyedari bahaya rasuah serta sogokan dan mereka perlu mengelakannya bagaikan racun.

"Mereka harus belajar daripada sejarah dan mereka seringkali perlu diingatkan bagaimana mereka hilang kebebasan mereka dan hampir kehilangan negara mereka apabila perjanjian Sir Harold McMichael ditandatangani.

"Lain kali, jalan keluarnya mungkin tidak semudah," beliau memberi amaran.

-- BERNAMA

HS HS PR